



MAHATHIR MOHAMAD

Dr. Mahathir tetap sampaikan syarahan, persidangan Suhakam esok

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau akan tetap menyampaikan syarahan pada persidangan anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. (Suhakam) Jumaat ini walaupun mendapat bantahan daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Malah, kata bekas Perdana Menteri itu lagi, bantahan yang disuarakan oleh NGO itu terhadapnya membuktikan hak asasi manusia di negara ini masih 'hidup'.

"Mereka mempunyai hak untuk bersuara sedangkan di beberapa negara, NGO seperti itu tidak dapat 'hidup' langsung.

"Saya akan tetap pergi ke persidangan itu kerana telah dijemput dan ia merupakan hak saya. Adakah mereka cuba menafikan hak berkenaan," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai bantahan beberapa NGO berhubung kehadiran mereka ke persidangan Suhakam itu Jumaat ini.

Pemimpin NGO itu mendakwa Dr. Mahathir tidak mengambil kira hak asasi manusia semasa menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan pada Forum Kepimpinan Global di sini hari ini.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, peman-tauan perlu dilakukan terhadap peniaga makanan ketika ini kerana ada di antara mereka menaikkan harga barang semata-mata untuk mendapat untung berlebihan.

Beliau berkata, beliau menyedari perkara itu apabila membaca laporan bahawa harga *hotdog* dan *hamburger* telah naik daripada 50 sen kepada RM1.

Menurutnya, perbuatan itu adalah salah kerana kenaikan harga minyak tidak memberikan kesan sebanyak itu kepada makanan dan kenaikan dengan jumlah itu adalah keuntungan berlebihan.

"Kita perlu mempertimbangkan berapa banyak kenaikan harga minyak yang diserap untuk makanan.

"Walaupun penyerapan itu mungkin akan dirasakan oleh pengangkutan namun ia hanyalah dalam kadar 10 peratus sahaja," katanya.

Mengenai kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia yang mencecah sehingga AS\$67.15 (RM248.4) setong, Dr. Mahathir berkata, negara ini tidak akan terjejas teruk dengan kenaikan itu.

Ini kerana, katanya, dalam tempoh jangka panjang, Malaysia boleh menyelaras kenaikan itu.